



# GARIS PANDUAN PENYEDIAAN

*Buku Penyelidikan  
Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU)*

## **1.1 PENGENALAN**

- Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pemohon/penyelidik untuk menyediakan buku penyelidikan Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU).
- Pemohon/penyelidik perlu mengikut format yang ditetapkan dalam penyediaan buku penyelidikan ini bagi memudahkan urusan penerbitan.

## **1.2 FORMAT UMUM PENULISAN**

Pemohon/penyelidik perlu menggunakan perisian *Microsoft Words* dengan jenis tulisan (font type) **TAHOMA** dan **jarak baris (spacing)** mengikut *template* penyediaan buku penyelidikan GPIU yang telah disediakan.

## **1.3 FORMAT KHUSUS PENULISAN**

Pemohon/penyelidik hendaklah mengikut format penyediaan buku penyelidikan GPIU berdasarkan templat yang disediakan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>
1	Kulit Hadapan
2	Helaian Judul
3	Helaian Hak Cipta
4	Isi Kandungan <ul style="list-style-type: none"><li>• Penomboran jadual dan rajah adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir.</li><li>• Penomboran muka surat diletakkan di sudut bawah sebelah kanan.</li></ul>
5	<b>Senarai Jadual</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tajuk jadual ditulis di bahagian atas.</li><li>• Nyatakan sumber dan tahun pada jadual yang dipetik dari sumber rujukan (sekiranya bukan hasil penyelidikan/penulis).</li><li>• Penomboran jadual adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir.</li></ul>
6	<b>Senarai Rajah</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tajuk rajah di bahagian bawah rajah.</li><li>• Nyatakan sumber dan tahun pada rajah yang dipetik dari sumber rujukan (sekiranya bukan hasil penyelidikan/penulis).</li><li>• Penomboran rajah adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir.</li></ul>
7	<b>Prakata</b> <u>Perenggan pertama</u> Pernyataan syukur kepada Allah SWT dan junjungan besar Rasulullah SAW.  <u>Perenggan kedua dan ketiga</u> Ringkasan tentang buku bagaimana terhasilnya dan harapan terhadap buku ini.  <u>Perenggan keempat</u> Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang berkaitan (termasuk UIS yang telah menganugerahkan dana/geran GPIU).

	tahun < >. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu muka surat sahaja</li> </ul>
8	<b>Abstrak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu muka surat sahaja.</li> <li>• Tanpa kata kunci</li> </ul>
9	<b>Isi Kandungan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai isi kandungan buku penyelidikan secara tersusun dan sistematik mengikut bab dalam manuskrip penyelidikan.</li> </ul>
10	<b>Rujukan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara penulisan rujukan adalah mengikut format <i>APA</i> secara konsisten.</li> <li>• Senarai rujukan ditulis selepas tamat semua bab (bukan pada setiap akhir bab).</li> <li>• Kaedah penulisan senarai rujukan perlu mematuhi format melalui pautan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Format <i>APA</i> Edisi ke-7  <a href="https://penerbit.utm.my/wp-content/uploads/sites/11/2023/02/APA-STYLE-REFERENCE.pdf">https://penerbit.utm.my/wp-content/uploads/sites/11/2023/02/APA-STYLE-REFERENCE.pdf</a> </li> </ul> </li> </ul>
11	<b>Indeks</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks merupakan kata nama atau rangkai kata pendek yang penting dan jarang ditemui.</li> <li>• Disusun mengikut abjad dan diikuti oleh nombor muka surat.</li> </ul>
12	<b>Blurb</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuliskan tajuk dan nyatakan deskripsi atau huraian ringkas yang menarik tentang buku penyelidikan ini.</li> <li>• Tujuannya untuk memberi sinopsis tentang kandungan buku penyelidikan.</li> <li>• Nyatakan latar belakang penulis dan bidang kepakaran secara ringkas serta tidak terlalu padat.</li> </ul>
13	Kulit Belakang
14	Tulang Buku

#### 1.4 REKA BENTUK KULIT

Reka bentuk grafik kulit hadapan, belakang dan tulang buku penyelidikan akan disediakan oleh pemohon/penyelidik dan ditambah baik oleh pihak Penerbit UIS jika perlu.

#### 1.5 SAIZ BUKU PENYELIDIKAN

Saiz bagi sesebuah buku penyelidikan apabila siap adalah ditetapkan pada saiz A4.

#### 1.6 BILANGAN MUKA SURAT

Bilangan muka surat bagi buku penyelidikan GPIU hendaklah di antara 80 hingga 100 muka surat termasuk lampiran.

## 1.7 WARNA KLUSTER PENYELIDIKAN

Pilihan warna bagi penyediaan ***page border*** muka hadapan dan ***blurb*** buku penyelidikan adalah berdasarkan kluster penyelidikan seperti berikut:



Kewangan dan Pengurusan Islam



Tamadun dan Pemikiran Islam



Teknologi dan Inovasi

## PENUTUP

Para pemohon/penyelidik perlu menghantar borang-borang dan dokumen berikut:

1. Surat perakuan dan serahan ikatan manuskrip.
2. Borang penilaian manuskrip pewasit.
3. Borang pengesahan semak pruf.
4. Satu salinan *hard copy* manuskrip bersaiz A4.
5. Salinan *soft copy* manuskrip dihantar melalui e-mel kepada [penerbit@kuis.edu.my](mailto:penerbit@kuis.edu.my)